

**IKHTILAF QIRAAAT KITAB TURJUMAN AL-MUSTAFID OLEH SYEIKH ABD RAUF
AL-FANSURI: SATU SOROTAN**

(Differences in Qiraat in ‘Turjuman Al-Mustafid’ By Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: An Overview)

Ahmad Baha’ bin Mokhtar & Muhammad Lukman bin Ibrahim

ABSTRACT:

It is well known among researchers that the book entitled “Turjuman al Mustafid” was the first exegetic book written in Malay archipelago. This was the first book written in Malay in the field of Quranic Qiraat (methods of reciting). This book has been well received by Muslim scholars as well as orientalists. The author of this book, Sheikh Abd Rauf al Fansuri is a well known Islamic scholar in the Malay archipelago today. This research aims at knowing the varieties of Qiraats mentioned in this book and understanding the methodologies used by the author. This research merely depends on library and internet as sources for collecting data. The study found that Al-Fansuri has successfully introduced a number of mutawatirah qiraat which corresponds to the authenticated books of qiraat and thus brings tawjih qiraat on authentic selected words.

Keywords: Al-Fansuri, Qiraat, Turjuman Al-Mustafid, Tafsir.

ABSTRAK:

Kitab Turjuman al-Mustafid telah diketahui umum adalah sebuah karya tafsir pertama yang lengkap muncul di alam Melayu. Karya ini telah mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan sarjana Islam malah ia telah menarik perhatian sarjana Barat. Pengarang karya ini iaitu Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri adalah salah seorang tokoh yang terkenal di Nusantara sebagai ulama yang menguasai berbagai bidang ilmu. Beliau bukan sahaja menguasai bidang-bidang ilmu yang dikuasai oleh ulama sezaman dengannya seperti ilmu tauhid, fikah dan tasawuf tetapi beliau turut menguasai bidang yang jarang dikuasai oleh ulama sezaman dengannya iaitu bidang qiraat. Melalui karya beliau Turjuman al-Mustafid dapat dirumuskan bahawa beliau adalah tokoh yang pertama memperkenalkan ilmu qiraat di rantau ini. Maka objektif kajian ini adalah untuk memperkenalkan karya ini dari sudut ilmu qiraatnya yang merangkumi metodologi penulisan ikhtilaf qiraat dan tawjih qiraat. Manakala metodologi kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan sepenuhnya kerana segala maklumat dan data hanya diperoleh dari perpustakaan dan internet. Data diproses secara kualitatif mengikut tema-tema khusus berdasarkan ilmu qiraat dan dikemukakan secara deskriptif. Hasil kajian mendapati al-Fansuri telah berjaya memperkenalkan beberapa ikhtilaf riwayat qiraat yang mutawatirah bersesuaian dengan kitab-kitab qiraat yang muktabarah dan mendatangkan tawjih qiraat pada perkataan-perkataan yang terpilih.

Kata Kunci: Al-Fansuri, Qiraat, Turjuman Al-Mustafid, Tafsir.

PENDAHULUAN

Tradisi menggabungkan huraiān ikhtilaf qiraat di dalam karya tafsir bukanlah satu perkara yang baru. Tradisi ini telah berlaku dalam karya-karya tafsir klasik seperti tafsir al-Tabari, al-Zamakhshyari dan Fakhr al-Razi dan ia masih kekal diamalkan oleh ulama *mufassirin* hingga kini. Hal ini berlaku disebabkan oleh kaitan yang sangat rapat antara ilmu tafsir dan ilmu qiraat, di samping perbezaan qiraat juga membantu dalam pentafsiran ayat.

Walaupun usaha ini telah banyak diperkenalkan oleh ulama timur tengah tetapi tradisi ini jarang dipraktikkan oleh ulama Nusantara. Boleh dikatakan satu-satunya ulama yang telah menyumbang dalam bidang ini ialah Syeikh Abd Rauf al-Fansuri dalam karya beliau *Tarjuman Al-Mustafid*. Dalam karya ini beliau telah menggabungkan antara huraiān tafsir dan huraiān ilmu qiraat. Terdapat beberapa usaha yang telah dilakukan untuk mengkaji karya ini antaranya: *Tafsir Tarjuman al-Mustafid: Kajian Intertekstualiti* oleh Wan Nasyrudin Wan Abdullah,¹ *Mempertimbangkan Tarjuman Al-Mustafid (Telaah Atas Kemurnian Tafsir Karya Abd. Rauf Sinkel)*² *The Qur'an In The Malay World: Reflections On 'Abd Al-Rauf Of Singkel (1615–1693)* oleh A.H. Johns³ dan *Islam And The Malay-Indonesian World: Transmission And Responses* oleh Peter G. Riddell.⁴

Setelah melihat kajian-kajian ini dapat dirumuskan bahawa belum terdapat kajian yang memberi fokus kepada ilmu qiraat yang dihuraikan di dalam karya ini. Kebanyakan kajian hanya memberi fokus kepada kajian teks atau tafsirnya sahaja. Hanya sedikit sahaja di dalam kajian tersebut yang menyentuh tentang qiraat.

Kajian ini memberi fokus kepada topik-topik berikut: Pengenalan kitab, ikhtilaf Qiraat yang dibincangkan dalam kitab ini, riwayat-riwayat Qiraat dalam kitab ini, sebab pemilihan tiga Qiraah, huraiān qiraat dalam kitab ini dan istilah-istilah Ilmu Qiraat yang terdapat di dalamnya.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN, PENDIDIKAN SERTA KERJAYA

Syeikh Abd Rauf al-Fansuri adalah anak jati Aceh yang lahir pada awal kurun ke tujuh belas.⁵ Beliau dibesarkan dalam kalangan keluarga yang kuat berpegang dengan ajaran-ajaran agama.⁶ Setelah beliau tamat menuntut ilmu daripada ulama tempatan beliau menyambung pelajarannya di Timur Tengah

¹ Kajian ini adalah Tesis Ph.D. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008.

² Kajian ini disiarkan di dalam blog: <http://wahyunishifaturrahmah.wordpress.com/> pada 7 November 2012.

³ Kajian ini adalah artikel di dalam Journal of Islamic Studies, Bil. 9, h. 120-145 (1998).

⁴ Buku ini dicetak di London oleh C. Hurst & Co. Publishers, (2001).

⁵ Para pengkaji tidak sepakat dalam menentukan tarikh lahir beliau. Lihat: "Syarh Latif 'Ala Ara'In Hadithan Li Al-Imam Al-Nawawi Karangan Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Kajian Teks" Ahmad Baha' bin Mokhtar, h. 44 (Tesis MA Universiti Malaya Kuala Lumpur: 2008).

⁶ Lihat: *Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*, Zulkiple Abd. Ghani *et al.* h. 222. Kuala Lumpur: Utusan Publication (2005).

selama 19 tahun.¹ Tempoh tersebut beliau gunakan dengan sebaik-baiknya untuk mendalami ilmu-ilmu agama hingga beliau telah menguasai pelbagai bidang ilmu seperti Ulum al-Quran, hadith, aqidah, fekah dan lain-lain. Selain daripada mempelajari `ulum syar`iyyah, beliau turut menceburi dalam bidang ilmu tasawuf dan tarekat sehingga beliau mampu beramat dengan 11 jenis tarekat.²

Pengiktirafan terhadap kealiman al-Fansuri dibuktikan dengan perlantikan menjadi mufti kerajaan Aceh Darussalam dengan gelaran "Qadi Malik al-Adil" pada tahun 1665 M iaitu selepas empat tahun beliau kembali daripada Tanah Arab. Beliau menyandang jawatan ini selama pemerintahan tiga ratu kerajaan Aceh Darussalam, iaitu Sultanah Sri Ratu Nurul Alam Naqiyatuddin (1675-1678 M), Sultanah Zakiyyatuddin Inayat Syah (1678-1688 M), dan Sri Ratu Kamalatuddin Syah (1688-1699 M).³

Syeikh Abd Rauf al-Fansuri Seorang Hafiz al-Quran

Setakat ini tiada bukti yang jelas menunjukkan beliau adalah seorang yang hafiz al-Quran. Namun menurut penelitian pengkaji terhadap karya *Turjuman al-Mustafid* pengkaji yakin bahawa Syeikh Abd Rauf adalah seorang yang hafiz al-Quran. Secara khusus pendapat ini adalah berdasarkan kepada bentuk ulasan ilmu qiraat yang ada di dalam *Turjuman al-Mustafid*. Perbincangan ilmu qiraat yang terdapat dalam karya ini seolah-oleh menunjukkan bahawa ia disalin hasil daripada *talaqqi* atau *musyafahah* bukan diambil daripada kitab-kitab qiraat. Oleh itu pembaca tidak akan bertemu satu pun nama kitab rujukan qiraat yang disebut oleh beliau. Sedangkan bagi ulasan berkaitan ilmu tafsir beliau telah menyebut nama beberapa buah kitab sebagai rujukannya.

Manakala daripada segi praktikal pembelajaran ilmu qiraat akan lebih mengukuhkan pendapat ini kerana tradisi ulama qiraat dari turun temurun semenjak dahulu hingga sekarang, mereka meletakkan syarat utama seorang yang ingin mempelajari ilmu qiraat terlebih dahulu menghafal al-Quran.⁴ Maka bersandarkan kepada fakta-fakti ini pengkaji yakin bahawa Syeikh Abd Rauf al-Fansuri bukan sahaja alim dalam berbagai bidang ilmu, malah beliau juga adalah seorang alim yang hafiz al-Quran.

Kembali Ke Rahmatullah

Tarikh tepat Abd Rauf meninggal tidak dapat dipastikan. Namun ramai pengkaji biografi beliau berpendapat beliau meninggal pada tahun 1693 M. Ada juga yang berpendapat beliau meninggal antara tahun 1693 M hingga 1695 M.⁵ Kemudian beliau dimakamkan di muara sungai Aceh atau Kuala

¹ Lihat: `Umdah al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufarridin MS 1314, h. 116. Pusat Manuskip Melayu Perpustakaan Negara.

² Lihat: Ahmad Baha' bin Mokhtar (2008), *op.cit.*

³ Lihat: “Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin: Satu Kajian Teks” Fairuzah bt. Hj. Basri, h. 18 (Kertas Projek, Jabatan Persuratan Melayu dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: 2002).

⁴ Lihat: *Tashil `Ilm al-Qiraat*, Ayman Baqalah, h. 294. T.T., (2009), dan *Ijazat al-Qurra'*, Muhammad bin Fawzan bin Hamad al-`Umar, h. 70. Riyad: Dar al-`Asimah, (1428 H).

⁵ Lihat: Fairuzah bt. Hj. Basri (2002), *op.cit.*, h. 18.

Krueng Aceh, Banda Aceh;¹ bersebelahan dengan makam Tengku Anjung yang dianggap paling keramat di Aceh.² Oleh itu, masyarakat Aceh mengelar beliau sebagai "Tengku di Kuala" atau "Syiah Kuala". Hingga kini makam beliau menjadi tempat ziarah oleh berbagai lapisan masyarakat tempatan mahupun yang datang dari luar.³

Sumbangan karya:

Jumlah karya yang ditinggalkan oleh Abd Rauf tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ramai pengkaji berpendapat karya beliau tidak kurang daripada 20 buah.⁴ Antara karya beliau ialah:

1. *Turjuman al-Mustafid*. Karya ini adalah tafsir al-Quran yang pertama dalam bahasa Melayu. Pengaruh karya ini sangat luas. Pada suatu ketika dahulu ia pernah dicetak di beberapa buah negara. Antaranya: Istanbul, Singapura, Pulau Pinang dan Jakarta. Bahkan karya ini pernah dijumpai di Afrika Selatan dalam masyarakat Melayu di sana.⁵
2. *Syarh Latif `ala Arba`in Hadithan li Imam al-Nawawi*. Terjemahan syarah hadis 40 Imam Nawawi.
3. *Sullam al-Mustafidin* karya ini menghuraikan tentang ilmu tauhid. Ia adalah syarah kepada *Manzumah* gurunya iaitu Ahmad al-Qushashi.
4. *Risalah Mukhtasarah fi Bayan Syurut al-Syaykh wa al-Murid*. Karya ini menghuraikan syarat-syarat seorang guru dan syarat-syarat murid.
5. *Fatihah Syeikh Abd al-Rauf*. Kandungan risalah ini ialah fatihah-fatihah yang dibaca oleh Abd Rauf sebelum berzikir.
6. *Kasyf al-Muntazir lima Yarahu al-Muhtadir*. Karya ini adalah terjemahan daripada karya guru beliau Ibrahim al-Kurani sebagai jawapan pada masalah berkaitan sakarat maut.⁶
7. *Risalah Simpan*. Risalah ini berkaitan ilmu tasawuf; tentang rahsia sembahyang dan amalan tarekat.
8. *Munyah al-I`tiqad*. Ini juga risalah yang berkait dengan ilmu tasawuf, dan amalan tarekat.

¹ Lihat: Zulkiple Abd. Ghani *et al.* (2005), *op.cit.*, h. 222.

² Lihat: *Tanbih al-Masyi Menyoal Wahdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel Di Aceh Abad 17*, Oman Fathurahman, h. 25. Jakarta: Penerbit Mizan, (1999).

³ *Ibid.*

⁴ Lihat: *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, W. Mohd. Shaghir Abdullah, j. 1, h. 39-41. Kuala Lumpur: Khazanah Fatimiyah, (1991).

⁵ Lihat: "Syeikh Abdurrauf Syiah Kuala dan Corak Pemikiran Hukum Islam (Kajian Terhadap Kitab Mir'at al-Tullab Tentang Hakim Wanita)" Syahrizal Abbas, h. 33. (Kertas Projek, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh: 1995).

⁶ Lihat: *Karya Klasik Melayu-Islam*. Mahayudin Haji Yahya, h. 116-133. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2000).

9. *Bayan al-Itlaq*. Risalah ini membincarakan tentang bagaimana orang mukmin melihat Allah di akhirat. Risalah ini merupakan saduran daripada karangan Muhammad bin Fadlullah al-Burhanfuri yang bertajuk *Tuhfah al-Mursalah*.
10. *Risalah A`yan Thabitah*. Risalah ini sangat ringkas hanya dua muka sahaja. Ia menerangkan istilah-istilah dalam ilmu tasawuf.
11. *Risalah Jalan Ma`rifah Allah*. Risalah ini membincarakan tentang ilmu tasawuf secara mendalam.
12. *Kifayah al-Muhtajin ila Masyrab al-Muwahhidin*. Karya ini membicara tentang ilmu tasawuf; cara berzikir dan salasilah tarekat Syatariyyah dan salasilah tarekat Qadariyyah.
13. *`Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*. Karya ini adalah menyentuh beberapa topik antaranya ilmu tauhid, cara berzikir dan senarai nama-nama guru beliau.
14. *Wasiyyah*. Kandungan risalah ini ialah 14 wasiat Abd Rauf serta syarahnya.
15. *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma`rifah Ahkam Syar`iyyah li Malik al-Wahhab*. Karya ini tentang ilmu fikah khusus tentang bab muamat.
16. *Mawa`z al-Badi`ah*. Karya ini telah dicetak. Sekarang masih ada di pasaran. Dicetak dengan kitab *Muhimmah fi `Ilm Hadith*. Isinya adalah nasihat-nasihat supaya mengutamakan akhirat.
17. *Tanbih al-Amil fi Tahqiq Kalam al-Nawafil*. Kandungannya membincarakan tentang hukum sembahyang qada' dan sembahyang sunat.
18. *`Umdah al-Ansab*. Karya ini membincarakan tentang sejarah ringkas keturunan nabi Muhammad SAW.

Ilmu Qiraat

Ilmu qiraat ialah perbezaan bacaan pada kalimat al-Quran dan kaedah pembacaannya yang dinisbahkan kepada perawinya.¹ Bacaan qiraat ini adalah bacaan yang Nabi saw ajar kepada para sahabat dan diwarisi oleh ulama secara mutawatir hingga sampai ke zaman ini.²

Ikhtilaf Qiraat

Perkataan ikhtilaf sebagaimana yang dimaklumi adalah bermaksud perbezaan. Walau bagaimanapun perkataan ikhtilaf membawa dua maksud:

¹ Lihat: *Mukhtasar al-`Ibarat Li Mu`jam Mustalahat al-Qiraat*, Ibrahim bin Sa`id al-Dawsari, h. 90. Riyad: Dar al-Hadarah, (2008), dan al-Ida`ah Fi Bayan Usul al-Qiraah, `Ali Muhammad al-Dabba`, h. 4. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah, (1999).

² Lihat: *Al-Sab`ah Fi al-Qiraat*, Abu Bakr Ahmad bin Musa Ibn Mujahid, h. 8. Kaherah: Dar al-Ma`arif (1972).

Pertama: Ikhtilaf atau perbezaan yang berlawanan (*al-tadad*) seperti perbezaan antara putih dan hitam. Ikhtilaf dalam bentuk ini tidak terdapat dalam qiraat al-Quran. Oleh demikian tiada satupun ikhtilaf antara qiraat itu bercanggah antara satu sama lain. Malah perbezaan qiraat itu ada kalanya tafsir kepada qiraat yang lain.

Kedua: Ikhtilaf pelbagai (*al-tanawwu'*) seperti kata Ibn Mas'ud ra: "Al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf seperti kamu kata: ayuh! dan mari!.¹ Semua ikhtilaf qiraat itu adalah dalam bentuk ini.

Punca Ikhtilaf al-Qurra'

Sebagaimana yang telah maklum bahawa Al-Quran diturunkan dengan tujuh huruf. Para sahabat telah menerima bacaan yang berbeza ini daripada Nabi saw dan mereka telah sampaikannya kepada para tabiin hingga ke bacaan tersebut sampai kepada imam-imam qiraat. Imam-imam qiraat mengumpul kembali qiraat ini, kemudian mengajarnya kepada murid mereka yang dinamakan "rawi" dalam istilah ilmu qiraat. Maka di sinilah bermula perbezaan antara dua orang rawi atau lebih daripada satu imam. Sebagai contoh kata Ibn Mujahid, terdapat sebanyak 520 huruf perbezaan bacaan antara Syu`bah dan Hafs kedua-dua mereka adalah murid atau rawi kepada Imam `Asim.

Hafs pernah bertanya gurunya `Asim: Mengapa bacaan saya berbeza dengan bacaan Syu`bah? Jawab `Asim: Aku mengajar kamu qiraah yang aku terima daripada `Abd al-Rahman al-Sulami daripada `Ali bin Abi Talib. Manakala aku ajar Syu`bah qiraah yang aku terima daripada Zirr bin Hubaysy daripada `Abdullah bin Mas`ud.²

Pengenalan Kitab Tafsir Turjuman al-Mustafid

Turjuman al-Mustafid adalah sebuah karya yang sangat tinggi nilai sejarahnya kerana itu karya ini telah mendapat perhatian bukan sahaja di kalangan sarjana-sarjana Islam malah ia turut dikaji oleh sarjana dari barat. Antara sarjana barat yang telah membuat kajian terhadap karya ini ialah AH Johns³ dan Peter G. Riddell menurut beliau karya ini dihasilkan sekitar tahun 1675 Masihi.⁴

Umum mengetahui karya ini adalah sebuah karya tafsir al-Quran lengkap yang pertama dalam bahasa dan peradaban Melayu.⁵ Tetapi masih ramai yang tidak mengetahui bahawa ia juga merupakan sebuah karya Nusantara yang terawal menghuraikan tentang ilmu Qiraat dalam bahasa Melayu.

¹ Lihat: *Al-Ahruf al-Sab`ah*, `Uthman bin Sa`id al-Dani, h. 22. Mekah: Maktabah al-Manarah, (1408 H).

² Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, h. 254. Maktabah: Ibn Taymiyyah (1997).

³ Lihat: "The Qur'an In The Malay World: Reflections On 'Abd Al-Ra'uf Of Singkel (1615–1693)", A.H. Johns, *Journal of Islamic Studies*, Bil. 9, h. 120-145 (1998).

⁴ Lihat: *Islam And The Malay-Indonesian World: Transmission And Responses*, Peter G. Riddell, h. 161. London: C. Hurst & Co. Publishers, (2001).

⁵ *Ibid.*

Kitab ini dicetak dalam satu jilid besar bersaiz 34 cm x 23 cm. Beberapa buah naskhah yang ditemui adalah cetakan Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi pada tahun 1951. Mengandungi 611 halaman termasuk halaman doa khatam al-Quran. Pada bahagian tengah setiap halaman diletak ayat-ayat al-Quran bermula daripada awal surah al-Fatiyah hingga akhir surah al-Nas. Manakala di sebelah birai halaman atau *hamisy* diletak tafsir ayat-ayat yang terdapat di dalam muka tersebut. Huraian qiraat akan ditambah sekiranya terdapat perbezaan qiraat di dalam ayat-ayat tersebut. Setakat pengetahuan penulis kitab ini sudah tidak dicetak lagi. Usaha mencetak semula karya ini perlu dilakukan semula kerana nilai dan kedudukan karya ini di alam Melayu. Usaha ini akan menjadi lebih mudah sekiranya penyelidikan untuk menyalin semula teks jawi tanpa perlu ditaip semula berjaya sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Zaidi Razak dan rakan-rakan.¹

Persempahan penulisan dalam karya ini, dimulai dengan mendatangkan ayat yang diletakkan antara dua kurungan diikuti huraian tafsirnya. Setelah itu, huraian ikhtilaf qiraat akan ditambah sekiranya di dalam ayat tersebut terdapat ikhtilaf qiraat. Pada kebiasaan huraian ikhtilaf qiraat dimulai dengan perkataan “(Faedah)” yang diletak antara dua kurungan. Ini adalah satu kaedah yang digunakan bagi memisahkan antara huraian tafsir dan huraian ikhtilaf qiraat dan sekali gus kaedah ini memudahkan pembaca membezakan antara huraian tafsir dan ikhtilaf qiraat tersebut. Di akhir huraian ikhtilaf qiraat biasanya akan disudahi dengan perkataan “وَاللهُ أَعْلَم”.

Ikhtilaf Qiraat Dalam *Turjuman al-Mustafid*

Berdasarkan kenyataan di akhir karya ini bahawa ikhtilaf qiraat adalah tambahan daripada murid al-Fansuri yang bernama Baba Daud bin Agha Isma'il bin Agha Mustata al-Jawi al-Rumi atas arahan daripada al-Fansuri.² Ikhtilaf qiraat yang terdapat dalam karya ini hanya bagi tiga riwayat daripada tujuh qiraat³ mutawatirah. Tujuh Imam dan rawi-rawi mereka yang dinyatakan oleh al-Fansuri seperti berikut:

1. Imam Nafi'.⁴ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

a.	Qalun ⁵	b.	Warsy ⁶
----	--------------------	----	--------------------

2. Imam Ibn Kathir¹. Beliau mempunyai dua orang Rawi:

¹ Lihat: *Off-line Jawi Handwriting Recognition using Hamming Classification*, Zaidi Razak *et al.*, h. 971-981. Information Technology Journal, 8 (7), (SCOPUS-Cited Publication: 2009).

² Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 610. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, (1951).

³ *ibid*, h. 2.

⁴ Nama penuh Imam Nāfi' ialah Nāfi' bin Abd al-Rahmān bin Abū Nu'aim al-Laysī. Beliau dilahirkan pada tahun 70 H dan meninggal pada tahun 169 H di Madinah. Beliau berguru dengan 70 tabiin. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 105.

⁵ Nama sebenar beliau ialah Abū Mūsā Isā bin Mīnā. Beliau di gelar Qālūn kerana baik dan bagus suaranya membaca al-Qur'an. Perkataan Qālūn adalah berasal dari bahasa Rumawi yang bermaksud baik. Beliau dilahirkan pada tahun 120 H dan meninggal pada 220 H di Madinah. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 174.

⁶ Nama sebenar beliau ialah Abu Said Uthman bin Said al-Misri. Beliau dilahirkan pada 110 H dan meninggal pada tahun 197 H. Beliau mendapat gelaran Warsy kerana kulitnya terlalu putih asal makna perkataan “warsy” adalah susu. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 171.

- a. Al-Bazzi² b. Qunbul³

3. Imam Abu `Amr.⁴ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

- a. Al-Duri⁵ b. Al-Susi⁶

4. Imam Ibn `Amir.⁷ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

- a. Hisyam⁸ b. Ibn Dhakwan⁹

5. Imam `Asim.¹⁰ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

- a. Syu`bah¹¹ b. Hafs¹²

6. Imam Hamzah.¹³ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

- a. Khalaf¹⁴ b. Khallad¹⁵

7. Imam Kisa'i.¹⁶ Beliau mempunyai dua orang Rawi:

- a. Al-Layth¹ b. Al-Duri²

¹ Nama sebenar Ibnu Kathir ialah 'Abd Allah bin Kathir bin 'Amr bin Zazhan. Beliau dilahirkan pada tahun 45 H dan meninggal di Mekah pada tahun 120 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 69.

² Nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Abdullah bin Qasim. Beliau dilahirkan pada tahun 170 H dan telah kembali ke rahmatullah pada tahun 250 H di Mekah. Beliau merupakan salah satu imam qiraāt dan muazzin di Masjid al-Haram. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 203.

³ Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Makhzumi. Beliau dilahirkan pada tahun 190 H dan meninggal pada tahun 291 H di Mekah. Beliau digelar Qunbul kerana orang ramai memanggilnya dengan panggilan Al-Qanabilah. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 273.

⁴ Beliau ialah Zabban bin al-'ala bin Umar bin al-Iryan bin Abdullah bin al-Husin. Beliau dilahirkan pada tahun 68 H dan meninggal di Kuffah pada tahun 154 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 91.

⁵ Nama sebenar beliau ialah Hafs Bin `Umar Bin Abdul 'Aziz. Beliau dilahirkan pada tahun 150 H dan meninggal pada tahun 246 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 220.

⁶ Nama sebenar beliau ialah Solih Bin Ziyad Bin `Abdullah Al-Susi. Beliau dilahirkan pada tahun 171 H dan meninggal pada 261 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 222.

⁷ Beliau ialah Abdullah bin 'Amir bin Yazid bin Tamim. Beliau dilahirkan pada tahun 21 H dan meninggal pada tahun 118 H di Damsyik. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 59.

⁸ Nama sebenar beliau ialah Hisyām bin 'Ammar bin Nusayr. Beliau dilahirkan pada tahun 153 H dan meninggal pada 245 H di Damsyik. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 227.

⁹ Nama sebenar beliau ialah 'Abdullah bin Ahmad bin Basyir bin Dhakwan al-Dimasyqi. Beliau dilahirkan pada tahun 173 H dan meninggal pada tahun 242 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 232.

¹⁰ Nama beliau ialah 'Asim bin Bahdalah Abi al-Najud al-Asadi. Beliau telah meninggal pada tahun 127 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 75.

¹¹ Nama sebenar beliau ialah Syu`bah bin 'Ayyasy bin Salim. Beliau dilahirkan pada tahun 90 H dan meninggal pada tahun 193 H. Beliau telah Khatam al-Qur'an sebanyak 18 ribu kali. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 135.

¹² Nama sebenar beliau ialah Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah al-Asadi al-Kufi. Beliau dilahirkan pada tahun 90 H dan meninggal pada tahun 180 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 141.

¹³ Nama sebenar beliau ialah Hamzah bin Habib bin 'Immarah. Beliau merupakan Imam Qiraat di Kuffah selepas meninggal Imam 'Asim. Beliau dilahirkan pada tahun 80 H dan meninggal pada tahun 156 H di Kufah. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 112.

¹⁴ Nama sebenar beliau ialah Khalaf bin Hisyam bin Tha'lاب. Beliau dilahirkan pada tahun 150 H dan meninggal pada tahun 229 H di Baghdad. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 245.

¹⁵ Nama sebenar beliau ialah Khallad bin Khalid As-Syaybani. Beliau dilahirkan pada tahun 130 H dan meninggal pada tahun 220 H di Kuffah. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 248.

¹⁶ Nama sebenar beliau ialah Ali bin Hamzah bin Abdullah Al-Asadi. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 149.

RIWAYAT-RIWAYAT QIRAAAT DALAM TURJUMAN AL-MUSTAFID

Al-Fansuri dalam kitab ini hanya memperkenalkan tiga riwayat sahaja daripada Imam-Imam qiraat yang tersebut di atas iaitu:

1. Riwayat Qalun daripada Imam Nafi`
2. Riwayat al-Duri daripada Imam Abu `Amr
3. Riwayat Hafs daripada Imam `Asim

Ungkapan yang sering digunakan oleh al-Fansuri sebelum menghuraikan ikhtilaf qiraat:

“(Faedah) pada menyatakan ikhtilaf segala qari yang tiga pada membaca ... Maka Abu `Amr dan Nafi` Dan Hafs ...”³

Pengkaji ilmu qiraat dalam karya ini sangat perlu mengambil perhatian terhadap metode al-Fansuri dalam penggunaan nama Nafi` dan Abu `Amr dalam kitab ini.⁴ Pada permulaan setiap penerangan ikhtilaf qiraat kebiasaannya al-Fansuri akan memulakan dengan ungkapan: “(Faedah) pada menyatakan ikhtilaf segala qari yang tiga pada membaca ... Maka Abu `Umar dan Nafi` ...”⁵. Bagi mereka yang tidak memahami metodologi penulisan *Turjuman al-Mustafid* akan menyangka bahawa yang dimaksudkan dengan Nafi` atau Abu `Amr adalah termasuk kedua-dua rawi mereka sekali. Sedangkan yang dimaksudkan oleh beliau hanya Qalun rawi kepada Nafi` dan al-Duri rawi kepada Abu `Amr sebagaimana yang telah disebut di atas.

Dengan memahami metode al-Fansuri dalam karya ini dapat menghilangkan kekeliruan tersebut. Pada mukadimah kitab al-Fansuri telah menyatakan metodologinya dalam penulisan karya ini, kata beliau:

“(Bermula) jika tersebut pada yang lagi akan datang bacaan [Qalun dan]”⁶ Duri demikianlah, maka iaitu baca murid Nafi` dan Abu `Umar”⁷

Pada petikan ini ada sedikit kekeliruan tetapi setelah membuat kajian dan perbandingan dengan isi karya ini maka pengkaji dapat merumuskan bahawa petikan ini memberi penjelasan metode penggunaan nama imam atau rawi dalam karya ini. Petikan di atas menjelaskan bahawa jika disebut nama Nafi` yang dimaksudkan adalah rawinya atau muridnya yang bernama Qalun.

¹ Nama sebenar beliau ialah al-Layth bin Khalid al-Mirwazi al-Baghdadi. Beliau meninggal pada tahun 240 H. Lihat: *Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, j. 1, h. 250.

² Nama sebenar beliau ialah Hafs bin Umar bin Abdul Aziz Ad-Duri. Beliau juga adalah Rawi pertama Imam Abu `Amr yang telah tersebut di atas.

³ Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 2.

⁴ Kebiasaan dalam penerangan ilmu qiraat apabila disebut nama Imam seperti Nafi` atau Abu `Amr bermaksud telah sepakat kedua-dua rawi mereka membaca sebagaimana yang disebut.

⁵ Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 2.

⁶ Di antara dua kurungan adalah tambahan penulis. Penulis yakin terdapat kesalahan cetakan kerana tanpa penambahan ini frasa tersebut tidak dapat difahami dengan tepat.

⁷ Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 2.

Demikian pula apabila disebut nama Abu `Amr yang dimaksudkan adalah rawinya atau muridnya yang bernama al-Duri. Tidak termasuk rawi Nafi` yang kedua iaitu Warsy dan rawi Abu `Amr yang kedua iaitu al-Susi.

Supaya keterangan ini lebih jelas fahami contoh berikut, kata Fansuri:

“مَن يَأْتِهِ مَا يَعْلَمُ فَإِنَّمَا يَأْتِي أَهْلَ الْكِتَابَ مَا يَعْلَمُ وَمَا يَأْتِي إِلَيْهِ مِنْ حَسَنَاتِ أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا مَا يَعْلَمُ”
“maka Abu `Amr dan Hafs membaca dia dengan lanjut hanya. Dan Nafi` membaca dia dengan singkat hanya”.¹

Berdasarkan petikan ini bahawa al-Fansuri mengatakan bahawa Abu `Amr membaca perkataan “من يأته“ dengan lanjut iaitu mad silah qasirah seperti bacaan Hafs. Manakala Nafi` dengan singkat iaitu tanpa mad atau ikhtilas. Apabila merujuk *Matn al-Syatibiyyah* kita akan dapati bahawa dalam qiraah Abu `Amr hanya al-Duri yang membaca dengan mad silah. Sedangkan rawi beliau yang kedua al-Susi membacanya dengan mematikan ha'.² Begitu juga bacaan dengan singkat dalam qiraah Nafi` hanya Qalun sahaja yang membaca demikian. Sedangkan rawi Nafi` yang kedua Warsy membaca seperti Hafs iaitu mad silah qasirah. Jelas daripada contoh ini dan kenyataan al-Fansuri pada mukadimah di atas bahawa yang dimaksudkan dengan Nafi' dalam karya ini ialah rawinya Qalun dan yang dimaksudkan dengan Abu `Amr ialah al-Duri. Ini bererti riwayat Warsy dan al-Susi tidak masuk dalam perbincangan karya ini.

Sebab Pemilihan Tiga Qiraah

Al-Fansuri tidak menyatakan di dalam karya ini sebab pemilihan tiga riwayat ini. Kemungkinan besar sebab pemilihan tiga riwayat ini adalah kerana tiga qiraah ini antara qiraat yang masih ramai pembacanya di negara-negara Islam. Contohnya bacaan al-Duri masih menjadi bacaan di sebahagian tempat negara Sudan, Chad, Nigeria dan Yaman. Manakala Qiraah Qalun masih digunakan di sebahagian tempat di Libya dan Tunisia.³ Ada pun qiraah Hafs adalah qiraah yang paling luas tersebar dan dibaca di negara-negara Islam hingga ke masa ini.

Huraian Qiraat Dalam Kitab Turjuman al-Mustafid

Satu perkara yang sukar dalam mengkaji ikhtilaf qiraat dalam karya ini ialah menentukan rujukan yang digunakan oleh al-Fansuri. Beliau tidak nyatakan satu pun nama rujukan dalam penulisan ikhtilaf qiraat. Walau bagaimanapun setelah membuat analisis boleh dirumuskan bahawa huraian ikhtilaf qiraat dalam karya ini adalah melalui *tariq al-Syatibiyyah*.⁴ Namun begitu, terdapat

¹ *ibid.*, h. 318

² Lihat: *Matn al-Syatibiyyah*, Al-Qasim bin Firruh al-Syatibi, h. 14. Madinah: Dar al-Huda, (2005).

³ Lihat: *Tashil `Ilm al-Qiraat*, Ayman Baqalah, h. 130. T.T., (2009). Dan *Mushaf al-Qiraat Wa al-Tajwid* (Keterangan simbol warna bagi hukum tajwid dan ikhtilaf al-qiraat), Beirut: Mu'assasah al-Iman.

⁴ Tariq ikhtilaf qiraat biasanya dikaitkan dengan tariq al-Syatibi atau tariq al-Tayyibah.

perkara yang berkaitan dengan khilaf dalam *tariq al-Syatibi* tidak disebut oleh beliau. Contoh: Saktah Hafs,¹ hukum kalimat ³ آن، ² ذکرین dan ⁴ مل. Ada kemungkinan ini adalah kesalahan cetakan.

Huraian ikhtilaf qiraat dalam karya ini boleh dibahagikan kepada dua:

Pertama: *Tawjih al-Qiraat*.

Tawjih qiraat ialah ilmu yang menerangkan wajah-wajah qiraat dari sudut tafsir dan tata bahasa Arab.⁵ Al-Fansuri telah menggunakan kedua-dua metode ini dalam kitabnya. Contoh *tawjih* tafsir:

“... Maka adalah maknanya tatkala dibaca dengan alif: Tuhan yang mempunyai segala pekerjaan hari qiamat,”⁶

Contoh *tawjih* menggunakan tata bahasa Arab:

“... Maka adalah maknanya tatkala dibacanya dengan dammah taqdirnya ﷺ pada makna ﴿تَنْزِيلٍ﴾ dan tatkala dibaca dengan nasab taqdirnya ﴿تَنْزِيلٍ﴾.”⁷

Karya ini mengandungi lebih kurang 141 *tawjih* qiraat dan sebahagian besarnya adalah *tawjih* tafsir. Perbincangan bidang ini adalah satu keistimewaan tambahan bagi karya ini. Maka dengan ini boleh dikatakan bahawa karya ini juga adalah yang pertama memperkenalkan ilmu *tawjih* qiraat dalam bahasa Melayu.

Kedua: Huraian Ikhtilaf Qiraat.

Sebahagian besar huraian ikhtilaf qiraat dalam *Turjuman al-Mustafid* adalah dalam bentuk *farsy al-huruf*.⁸ Manakala bahagian *usul al-qiraah* bagi ketiga-tiga rawi kurang disentuh oleh Al-Fansuri. Sebagai contoh dalam surah al-Fatiyah, al-Fansuri hanya menyebut ikhtilaf *al-Fasy* sahaja iaitu pada perkataan ملّك. Perbincangan dari segi *usul al-qiraah* iaitu *Basmalah* antara dua surah bagi ketiga-tiga rawi dan *silah mim al-jam`* bagi Qalun tidak dinyatakan.

¹ Beliau hanya menyatakan saktah bagi Hafs di surah al-Kahf sahaja. Saktah pada surah yang lain tidak dinyatakan. Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 294, 445, 580 dan 592.

² *Ibid.*, h. 215. Bagi perkataan ini dinyatakan bahawa Hafs hanya satu wajah sahaja iaitu ibdal hamzah kedua alif dan tidak disebut wajah kedua iaitu tashil hamzah kedua.

³ Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 148. Bagi perkataan ini dinyatakan bahawa Hafs ada dua wajah iaitu *ibdal* hamzah kedua alif dan *tashil* hamzah kedua.

⁴ Tiada apa-apa ulasan dalam surah Yunus. *Ibid.*, h. 217. Pada surah al-Naml arahan supaya merujuk ikhtilaf dalam perkataan ذکرین dalam surah al-An`am. *Ibid.*, h. 384.

⁵ Lihat: *Mukhtasar al-'Ibarat Li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*, Ibrahim bin Sa`id al-Dawsari, h. 90. Riyad: Dar al-Hadarah, (2008).

⁶ Lihat: *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 2.

⁷ *Ibid.*, 441.

⁸ Bacaan pada perkataan tertentu. Lihat: *Mukhtasar al-'Ibarat Li Mu'jam Mustalahat al-Qiraat*, Ibrahim bin Sa`id al-Dawsari, h. 86.

Istilah-Istilah Ilmu Qiraat

Bagi menghurai ikhtilaf qiraat dalam karya ini al-Fansuri telah menggunakan berbagai istilah-istilah ilmu qiraat dan tata bahasa Arab. Pengkaji yang tidak mempunyai latar belakang ilmu qiraat perlu memahami istilah-istilah ini bagi membantu memahami huraihan qiraat yang dibincangkan dalam karya ini.

Senarai Istilah-Istilah Yang Terdapat Dalam Huraian Qiraat Dalam *Turjuman Al-Mustafid*:

Bil	Istilah dalam bahasa Arab	Istilah yang telah diterjemah	Istilah Arab Berimbuh Melayu
1.	Ikhtilaf ¹	hamzah yang singkat ²	Mentashilkkan ³
2.	Qari ⁴	membawa hamzah antara dua waw ⁵	Mengidghamkan ⁶
3.	Ittifaq ⁷	Tiada alif ⁸	Mengisyba`kan ⁹
4.	Imam ¹⁰	Menukar ¹¹	Mengikhtilaskan ¹²
5.	Tasydid ¹³	Mematikan ¹⁴	Mengizharkan ¹⁵
6.	Takhfif ¹⁶	Membuang hamzah ¹⁷	Menyabitkan ¹⁸
7.	Wasal ¹⁹	Memendekkan hamzah ²⁰	Menghadhafkan
8.	Tahqiq ²¹	Melanjutkan hamzah ²²	
9.	Ibdal ²³	Ta yang bersimpul ²⁴	

¹ *Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, h. 2.

² *Ibid.*, h. 23.

³ *Ibid.* h. 7.

⁴ *Ibid.*, h. 2.

⁵ *Ibid.* h. 21.

⁶ *Ibid.* h. 8.

⁷ *Ibid.*, h. 2.

⁸ *Ibid.* h. 2.

⁹ *Ibid.* h.10.

¹⁰ *Ibid.*, h. 2.

¹¹ *Ibid.* h. 4.

¹² *Ibid.* h. 10.

¹³ *Ibid.* h. 4.

¹⁴ *Ibid.* h. 6.

¹⁵ *Ibid.* h. 11.

¹⁶ *Ibid.* h. 4.

¹⁷ *Ibid.* h. 7.

¹⁸ *Ibid.* h. 74.

¹⁹ *Ibid.* h. 4.

²⁰ *Ibid.* h. 14.

²¹ *Ibid.* h. 4.

²² *Ibid.* h. 14.

²³ *Ibid.* h. 4.

²⁴ *Ibid.* h. 59.

10.	dammah ¹	Ta yang panjang ²	
11.	Fath ³	Seolah-olah nun yang dammah ⁴	
12.	Mad ⁵	Antara-antara ⁶	
13.	Raf ⁷	Suratan ⁸	
14.	Nasab ⁹	Membunuh ya ¹⁰	
15.	Isymam ¹¹	Menggugurkan hamzah ¹²	
16.	Rawm ¹³	Hidup lamnya ¹⁴	
17.	Ifarad ¹⁵	Mati lamnya ¹⁶	
18.	Jam ¹⁷	Nun di bawah hamzahnya ¹⁸	
19.	Jazam ¹⁹	Nun di atas hamzah ²⁰	
20.	Idafah ²¹	Pendek ²²	
21.	Tanwin ²³	Ta yang bundar ²⁴ ت	
22.	Ghunnah ²⁵	Ta yang buntar ²⁶ بـ	
23.	Bayn ²⁷		

¹ Ibid. h. 6.² Ibid. h. 59.³ Terdapat dua bentuk penggunaan istilah *fath* pertama *fath* lawan kepada kasrah *Ibid.* h. 7. Kedua: *Fath* dengan maksud lawan kepada *imalah* *Ibid.* h. 239.⁴ Ibid. h. 136.⁵ Ibid. h.7.⁶ Ibid. 148.⁷ Ibid. h. 8.⁸ Ibid. Ibid. h. 167.⁹ Ibid. h. 8.¹⁰ Ibid. h. 173.¹¹ Ibid. h. 10.¹² Ibid. h. 215.¹³ Ibid. h. 10.¹⁴ Ibid. h. 215.¹⁵ Ibid. h. 14.¹⁶ Ibid. h. 215.¹⁷ Ibid. h. 14.¹⁸ Ibid. h. 237.¹⁹ Ibid. h. 19.²⁰ Ibid. h. 237.²¹ Ibid. h. 29.²² Ibid. h. 246.²³ Ibid. h. 32.²⁴ Ibid. h. 261.²⁵ Ibid. h. 32.²⁶ Ibid. h. 277.²⁷ Ibid. h. 52.

24.	Thabit ¹		
25.	Musytaqq ²		
26.	Sighag ism fa`il ³		
27.	Sighag fi`l madi ⁴		
28.	Qasr ⁵		
29.	Sakin ⁶		
30.	Ya yang khalis ⁷		
31.	Imalah ⁸		
32.	Ibtida ⁹		
33.	Saktah latifah ¹⁰		
34.	Qat ¹¹		
35.	Harf jarr ¹²		
36.	Ism mawsul ¹³		
37.	Hamzah qat ¹⁴		
38.	Hamzah wasl ¹⁵		
39.	Lafzul al-jalalah ¹⁶		
40.	Ma`ruf ¹⁷		
41.	Majhul ¹⁸		
Jumlah	41	22	8
JUMLAH KESELURUHAN 71			

¹ *Ibid.* h. 53.² *Ibid.* h. 66.³ *Ibid.* h. 141.⁴ *Ibid.* h. 141.⁵ *Ibid.* h. 151.⁶ *Ibid.* h. 164.⁷ *Ibid.* h. 190.⁸ *Ibid.* h. 227.⁹ *Ibid.* h. 237.¹⁰ *Ibid.* h. 294.¹¹ *Ibid.* h. 294.¹² *Ibid.* h. 308.¹³ *Ibid.* h. 308.¹⁴ *Ibid.* h. 317.¹⁵ *Ibid.* h. 317.¹⁶ *Ibid.* h. 352.¹⁷ *Ibid.* h. 439.¹⁸ *Ibid.* h. 439.

KESIMPULAN

Al-Fansuri dan karyanya *Turjuman al-Mustafid* telah membuka lembaran baru sejarah ilmu qiraat. Maka karya ini merupakan sumbangan yang sangat tinggi nilainya bagi perkembangan ilmu qiraat di rantau ini. Di samping itu, melalui karya ini juga dapat memberi suatu fakta yang baru tentang tokoh ini iaitu beliau kemungkinan besar adalah seorang yang hafiz al-Quran.

Analisis ini mendapati bahawa melalui karya ini al-Fansuri telah memberi sumbangan memperkenalkan qiraah tiga orang rawi iaitu Qalun, al-Duri dan Hafs di samping itu beliau turut memperkenalkan bidang *tawjih* qiraat. Walau bagaimanapun ikhtilaf qiraat yang terdapat dalam karya ini tidak boleh dijadikan rujukan bagi yang ingin mempelajari keseluruhan qiraat rawi-rawi tersebut, kerana karya ini hanya memberi tumpuan kepada penerangan *farsy al-huruf* sahaja, tanpa memberi huraian tentang *usul al-qiraah* mereka.

CADANGAN DAN SARANAN

- i. Satu kajian perbandingan antara cetakan dan manuskrip karya ini bagi memastikan tiada perkataan yang tercicir kerana terdapat pada beberapa frasa di dalam karya ini yang kurang jelas maksudnya.
- ii. Bidang qiraat di dalam *Turjuman al-Mustafid* memerlukan *tahqiq* secara menyeluruh berdasarkan disiplin ilmu qiraat supaya dapat memastikan semua qiraat yang dibincangkan menepati riwayat sebenar rawi-rawi yang dinyatakan.
- iii. Hasil *tahqiq* ini perlu dicetak bagi mengembalikan semula karya ini kepada dunia Melayu dengan wajah yang baru dan lebih sempurna.

BIBLIOGRAFI

"Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin: Satu Kajian Teks", Fairuzah bt. Hj. Basri (Kertas Projek, Jabatan Persuratan Melayu dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: 2002).

"Syeikh Abdurrauf Syiah Kuala dan Corak Pemikiran Hukum Islam (Kajian Terhadap Kitab Mir'at al-Tullab Tentang Hakim Wanita)", Syahrizal Abbas, (Kertas Projek, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh: 1995).

'Umdah al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufarridin (MS 1314) , Abd Rauf al-Fansuri, Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara.

"Syarh Latif 'Ala Ara'in Hadithan Li Al-Imam Al-Nawawi Karangan Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Kajian Teks", Ahmad Baha' Bin Mokhtar, (Tesis MA Universiti Malaya Kuala Lumpur: 2008)

"The Qur'ān In The Malay World: Reflections On 'Abd Al-Ra'ūf Of Singkel (1615–1693)", A.H. Johns, *Journal of Islamic Studies*, Bil. 9, h. 120-145(1998).

- Al-Ida'ah Fi Bayan Usul al-Qiraah*, `Ali Muhammad al-Dabba` , Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah, (1999).
- Al-Qawa'id Wa al-Isyarat Fi Usul al-Qiraat*, Ahmad b `Umar al-Hamawi, Beirut: Dar al-Qalam, (1406 H).
- al-Sab`ah Fi al-Qiraat*, Ibn Mujahid, Abu Bakr Ahmad bin Musa, Kaherah: Dar al-Ma`arif, (1972).
- Al-Usul al-Nayyirat Fi al-Qiraat*, Amani bint Muhammad `Asyur. Riyad: Madar al-Watan Li Nasyr (2007).
- Dakwah Dan Etika Politik Di Malaysia*. Abd. Ghani et al., Kuala Lumpur: Utusan Publication, (2005).
- Hukum Perkahwinan Islam*, Peunoh Daly, Jakarta: Bulan Bintang (1988).
- Ijazat al-Qurra'*, Muhammad bin Fawzan bin Hamad al-`Umar. Riyad: Dar al-`Asimah, (1428 H).
- Islam And The Malay-Indonesian World: Transmission And Responses*, Peter G. Riddell, London: C. Hurst & Co. Publishers, (2001).
- Karya Klasik Melayu-Islam*, Mahayudin Haji Yahya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2000).
- Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, W. Mohd. Shaghir Abdullah, Kuala Lumpur: Khazanah Fatimiyyah, (1991).
- Mu`jam al-Qiraat al-Qur'aniyyah*, Ahmad Mokhtar `Umar. Kuwit: Matba`ah Jami`ah al-Kuwit, (1988).
- Mukhtasar al-`Ibarat li Mu`jam Mustalahat al-Qiraat*, Ibrahim bin Sa`id al-Dawsari, Riyad: Dar al-Hadarah, (2008).
- Off-line Jawi Handwriting Recognition using Hamming Classification, Zaidi Razak et al., h. 971-981. Information Technology Journal, 8 (7), (SCOPUS-Cited Publication: 2009).
- Sahih al-Bukhari*, Muhammad bin Isma`il al-Bukhari, Beirut: Dar Ibn Kathir, (1987).
- Tabaqat al-Qurra'*, Muhammad bin Muhammad al-Jazari, Maktabah: Ibn Taymiyyah, (1351 H).
- Tanbih al-Masyi Menyoal Wahdatul Wujud Kasus Abdurrauf Singkel Di Aceh Abad 17*, Oman Fathurahman, Jakarta: Penerbit Mizan, (1999).
- Tashil `Ilm al-Qiraat*, Ayman Baqalah T.T., (2009)
- Turjuman al-Mustafid*, Abd Rauf al-Fansuri, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, (1951).